



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBANGUNAN MODEL KEBOLEHPASARAN GRADUAN PENGURUSAN PERNIAGAAN KOLEJ VOKASIONAL MALAYSIA

RAMDZAN ALI BIN SAIBON



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2020



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PEMBANGUNAN MODEL KEBOLEHPASARAN GRADUAN PENGURUSAN
PERNIAGAAN KOLEJ VOKASIONAL MALAYSIA**

RAMDZAN ALI BIN SAIBON



**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**FAKULTI TEKNIKAL DAN VOKASIONAL
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2020





Sila Taipkan (✓):

Kertas Projek
Sarjana Pengkajian
Sarjana Pengkajian Dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **15 DISEMBER 2020**.

i. Perakuan pelajar :

Saya, **RAMDZAN ALI BIN SAIBON** dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PEMBANGUNAN MODEL KEBOLEHPASARAN GRADUAN PENGURUSAN PERNIAGAAN KOLEJ VOKASIONAL MALAYSIA**

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **PROF. MADYA DR. ARASINAH BINTI KAMIS** dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **PEMBANGUNAN MODEL KEBOLEHPASARAN GRADUAN PENGURUSAN PERNIAGAAN KOLEJ VOKASIONAL MALAYSIA**

dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **KEDOKTORAN FALSAFAH (PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL)**.

Tarikh

Tandatangan Penyelia





**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN
KERTAS PROJEK**

Tajuk / Title: **PEMBANGUNAN MODEL KEBOLEHPASARAN GRADUAN PENGURUSAN
PERNIAGAAN KOLEJ VOKASIONAL MALAYSIA**

No. Matrik / Matric's No.: **P20171000895**

Saya / I : **RAMDZAN ALI BIN SAIBON**
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.

4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☐ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: _____

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT dan TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Pertama sekali ingin saya memanjatkan rasa syukur saya kepada Allah SWT Tuhan yang maha pengasih lagi maha penyayang di atas segala limpah rahmat dan kesejahteraan yang telah dicurahkan ke atas saya serta segala rezeki, kesihatan, kekuatan, dan kesabaran yang diberikanNya kepada saya dalam menempuhi liku-liku perjalanan PHD yang penuh dengan cabaran ini.

Pejalanan PHD ini tidak mungkin dapat saya tempuhi secara bersendirian tanpa bantuan, dorongan dan tunjuk-ajar daripada kedua-dua orang intelek ini yang telah banyak membimbing saya untuk terus istiqomah dan bekerja keras untuk menyiapkan tesis ini. Secara telus dan ikhlas ingin saya ucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan rasa terima kasih saya kepada penyelia utama saya, Profesor Madya Doktor Arasinah binti Kamis dan penyelia bersama saya iaitu Doktor Zuraidah binti Zainol yang secara bersama-sama tidak pernah jemu untuk melayani kerenah saya dengan pemantauan, sumbangan idea-idea bernas serta komen-komen membina bagi tujuan penambahbaikan sehinggalah siapnya tesis ini sepenuhnya. Saya juga amat bersyukur dan berterima kasih kerana telah dipertemukan dan diberi peluang untuk bekerjasama dengan kedua-dua mereka.

Seterusnya ingin saya ucapkan jutaan terima kasih kepada semua ahli keluarga khususnya bonda saya Hajah Umi Kalsom binti Mohd. Noor dan isteri tercinta Roziana binti Kamarudin yang telah banyak berkorban dari segi masa dan kewangan bagi membantu saya meneruskan pengajian ini selama lima semester. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada kekanda saya, Profesor Madya Doktor Jamal Safri bin Saibon di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan selama ini. Terima kasih juga kepada kelima-lima anakda saya yang selama ini sentiasa memahami dan telah meminjamkan sedikit masa bersama kepada saya untuk menyiapkan tesis ini. Terima kasih kepada semua ahli keluarga yang tidak pernah jemu memberikan sokongan serta doa berterusan kepada saya disepanjang sesi pengajian PHD ini.

Setinggi-tinggi penghargaan buat semua rakan setugas dan pelajar program Pengurusan Perniagaan dari kolej vokasional seluruh Malaysia yang telah banyak menyokong dan membantu saya untuk mendapatkan maklumat serta data yang diperlukan bagi menyiapkan tesis ini. Kerjasama yang telah diberikan amatlah saya hargai. Semoga kajian ini dapat memberi impak yang besar kepada semua warga kolej vokasional khususnya, InsyaAllah.

Akhir sekali, ucapan ribuan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Biasiswa dan Pembiayaan (BPP), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk saya meneruskan pengajian diperingkat PHD.





ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk membangunkan Model Kebolehpasaran Graduan (GMM) untuk graduan Pengurusan Perniagaan kolej vokasional (KV) Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau tahap kemahiran dan kebolehpasaran graduan serta mengenal pasti pengaruh hubungan antara konstruk kemahiran, tingkah laku kerjaya yang proaktif dan sifat positif dengan kebolehpasaran graduan, di mana pengalaman latihan (*internship training*) sebagai moderator. Dalam kajian ini, Teori Modal Insan, Teori Konsep Kendiri dalam Pembangunan Kerjaya, Model teori Peramal Kebolehpasaran, Model Hubungan Kerjaya, dan Dimensi Kemahiran Pendidikan Vokasional digunakan. Pendekatan yang digunakan adalah kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan melibatkan seramai 243 graduan Pengurusan Perniagaan dari KV seluruh Malaysia dan 76 orang majikan. Pemilihan sampel kajian adalah berdasarkan teknik pensampelan rawak mudah. Dapatan analisis deskriptif menunjukkan kebolehpasaran graduan adalah pada tahap sederhana tinggi (Min=5.10, Sisihan Piawai=1.15). Perspektif graduan dan majikan mendapati bahawa kemahiran kebolehkkerjaan, kemahiran asas akademik dan kemahiran teknikal adalah pada tahap tinggi, manakala kemahiran keusahawanan berada pada tahap sederhana tinggi. Triangulasi digunakan sebagai dapatan kajian sekunder (sokongan) iaitu melalui sesi temu bual dan analisis dokumentasi. Keputusan ujian *Mann Whitney U* menunjukkan bahawa tiada perbezaan perspektif wujud terhadap tahap kemahiran graduan antara graduan Pengurusan Perniagaan dengan majikan ($0.146 > 0.05$). Seterusnya dapatan analisis PLS-SEM model pengukuran mendapati bahawa nilai CR yang diperoleh untuk setiap konstruk adalah dalam julat 0.889 hingga 0.990 di mana kemahiran menyumbang nilai (CR) tertinggi (0.990) dan penglibatan dalam pembangunan dengan nilai CR terendah (0.800). Manakala dapatan analisis model struktur, pekali laluan model struktur t mendapati sifat positif ($t = 6.300$) dan tindakan kerjaya proaktif ($t = 2.504$) mempunyai pengaruh hubungan yang signifikan terhadap kebolehpasaran di mana kedua-dua konstruk tersebut mempunyai nilai kritikal $t > 1.65$ (tahap signifikan=0.05). Kemahiran menunjukkan pengaruh hubungan yang paling lemah terhadap kebolehpasaran ($t = 0.750$). Manakala analisis mendapati bahawa pengaruh moderator pengalaman latihan terhadap hubungan antara ketiga-tiga konstruk peramal dengan kebolehpasaran adalah tidak signifikan dengan nilai $t < 1.65$ (tahap signifikan=0.05). Kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa ketiga-tiga konstruk utama adalah penting dalam menyumbang kepada kebolehpasaran graduan Pengurusan perniagaan KV. Implikasi kajian menunjukkan bahawa penambahbaikan terhadap sistem pendidikan tertuari adalah perlu supaya graduan Pengurusan perniagaan KV yang dihasilkan sentiasa dapat memenuhi kehendak dan keperluan majikan industri. Pembangunan GMM seterusnya akan dapat membantu lebih banyak pihak berkaitan khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) untuk dijadikan panduan berguna bagi melahirkan graduan Pengurusan perniagaan KV yang boleh dipasarkan.



DEVELOPMENT OF MARKETABILITY MODEL OF BUSINESS MANAGEMENT GRADUATES OF MALAYSIAN VOCATIONAL COLLEGES

ABSTRACT

The purpose of this study was to develop the Graduate Marketability Model (GMM) for Malaysian vocational colleges (KV) Business Management graduates. The study also aimed to examine the level of skills and marketability of graduates and to identify the relationship between skills construct, proactive career behavior and positive attitude toward graduate marketability, where internship training experiences as moderator. In this study, the Human Capital Theory, Self-Concept Theory of Career Development, Model of Theoretical Predictors of Marketability, Career Relationship Model, And Dimensions of Vocational Education Skills are being utilized. The approach used was quantitative with a survey design involving 243 Business Management graduates and 76 employers from KVs across Malaysia. The sample selection was based on simple random sampling techniques. Descriptive analysis shows that the marketability of graduates was at a moderate high level (Min = 5.10, Standard deviation = 1.15). The perspectives of graduates and employers found that employability skills, basic academic skills and technical skills were high, while entrepreneurship skills were at a moderate high level. Triangulation was used as a finding of secondary (supporting) studies through interview and documentation analysis. The results of the Mann Whitney U test show that there was no difference in perspective existed regarding the degree of skill proficiency between Business Management graduates and employers ($0.146 > 0.05$). Subsequent findings of the PLS-SEM analysis of the measurement model found that the CR values obtained for each construct were in the range of 0.889 to 0.990 where the skills contributed the highest (CR) value (0.990) and the involvement in development with the lowest CR value (0.800). While the findings of the structural model analysis, the structural model trajectory coefficients found positive behavior ($t = 6.300$) and proactive career action ($t = 2.504$) had a significant relationship effect on marketability where both constructs had a critical value of $t > 1.65$ (level) significant = 0.05). Skills showed the weakest relationship to marketability ($t = 0.750$). While the analysis found that the effect of moderator training experience on the relationship between the three main constructs and marketability was not significant with t value < 1.65 (significance level = 0.05). In conclusion, this study shows that the three main constructs are important in contributing to the marketability of KV Business Management graduates. Implications of the study indicate that improvements to the tertiary education system are necessary so that KV Business Management graduates are always able to meet the needs and requirements of industry employers. The next development of GMM will be able to assist more relevant parties, especially the Ministry of Education Malaysia (MOE) and the Technical Vocational Education and Training Division (BPLTV), to be a useful guide for producing marketable KV Business Management graduates.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
------------------------------------	----

PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
------------------------------	-----

PENGHARGAAN	iv
--------------------	----

ABSTRAK	v
----------------	---

ABSTRACT	vi
-----------------	----

KANDUNGAN	vii
------------------	-----

SENARAI JADUAL	xv
-----------------------	----



SENARAI RAJAH	xvii
----------------------	------

SENARAI SINGKATAN	xviii
--------------------------	-------

SENARAI LAMPIRAN	xxi
-------------------------	-----

BAB 1 PENGENALAN	1
----------------------------	---

1.1 Pendahuluan	1
--------------------	---

1.2 Latar Belakang Kajian	2
------------------------------	---

1.3 Penyataan Masalah	10
--------------------------	----

1.4 Tujuan Kajian	16
----------------------	----

1.5 Objektif Kajian	17
------------------------	----

1.6 Soalan Kajian	18
----------------------	----

1.7 Hipotesis Kajian	19
-------------------------	----



1.8	Kerangka Teori dan Kerangka Konsep Kajian	20
1.9	Kepentingan Kajian	24
1.10	Batasan Kajian	27
1.11	Skop Kajian	29
1.12	Definisi Operasional	30
1.12.1	Kebolehpasaran	30
1.12.2	Kemahiran Kebolehkerjaan	30
1.12.3	Kemahiran Teknikal	31
1.12.4	Kemahiran Keusahawanan	32
1.12.5	Kemahiran Asas Akademik	33
1.12.6	Tingkah Laku Kerjaya Proaktif	33
1.12.7	Sifat Positif	34
1.12.8	Pengalaman Latihan	34
1.13	Rumusan	35

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR 36

2.1	Pengenalan	36
2.2	Pendidikan Teknik dan vokasional dan Latihan (TVET)	37
2.2.1	Perkembangan TVET di Malaysia	39
2.2.2	Kolej Vokasional (KV) Institusi Pengajian Peringkat Tertiar	42
2.2.3	Program Pengurusan Perniagaan Kolej Vokasional (KV)	50

2.3	Kebolehpasaran	53
2.3.1	Konsep Kebolehpasaran	53
2.3.2	Isu Kebolehpasaran	56
2.4	Kebolehkeraan (<i>Employability</i>)	63
2.5	Teori dan Model yang Mendasari Kajian	68
2.5.1	Teori Modal Manusia	69
2.5.2	Teori Konsep Kendiri dalam Pembangunan Kerjaya	71
2.5.3	Model ' <i>Theoretical predictors of Marketability</i> '	75
2.5.4	Model Hubungan Kemahiran	77
2.5.5	Dimensi Kemahiran Pendidikan Vokasional	78
2.6	Hubungan Kemahiran dengan Kebolehpasaran Graduan	80
2.6.1	Kemahiran Asas Akademik	85
2.6.2	Kemahiran kebolehkeraan	86
2.6.3	Kemahiran Teknikal	89
2.6.4	Kemahiran Keusahawanan	90
2.7	Hubungan Tingkah Laku Kerjaya Proaktif dengan Kebolehpasaran Graduan	91
2.7.1	Rangkaian (<i>Networking</i>)	93
2.7.2	Penglibatan dalam Pembangunan	95
2.7.3	Persediaan Peralihan Kerja	97

2.8	Hubungan Sikap Positif dengan Kebolehpasaran Graduan	98
2.8.1	Optimis	100
2.8.2	Konsep Kendiri Yang Positif	102
2.8.3	Pembelajaran Berorientasikan Matlamat	103
2.9	Pengalaman Latihan Sebagai Moderator	104
2.10	Kajian Lepas	106
2.10.1	Kajian Dalam Negara	107
2.10.2	Kajian Luar Negara	110
2.11	Rumusan	116
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	117

3.1	Pengenalan	117
3.2	Reka Bentuk Kajian	117
3.3	Populasi	119
3.3.1	Teknik Pensampelan	119
3.3.2	Sampel	120
3.3.2.1	Penentuan Saiz Sampel dengan Menggunakan Formula <i>Cochran</i>	121
3.3.2.2	Penentuan Saiz Sampel dengan Menggunakan Analisis <i>G-Power</i> .	123
3.3.3	Kaedah Pemilihan Sampel	124

3.4	Instrumen	126
3.4.1	Kesahan Instrumen	131
3.4.1.1	Kesahan Kandungan	132
3.4.1.2	Kesahan Muka	134
3.4.2	Kebolehppercayaan Instrumen	135
3.5	Prosedur Pengumpulan Data	137
3.6	Prosedur Penganalisan Data	139
3.6.1	Analisis Data Secara Statistik Deskriptif	140
3.6.2	Analisis Data Secara <i>Thematic</i> dan Dokumentasi (Triangulasi)	141
3.6.3	Analisis Data Secara Statistik Inferens	142
3.6.4	Analisis SEM dengan Menggunakan <i>SmartPLS</i> berbanding CB-SEM	144
3.7	Rumusan	159

BAB 4 DAPATAN KAJIAN 160

4.1	Pengenalan	160
4.2	Bahagian Pertama: Dapatan Analisis Demografi Responden	161
4.3	Bahagian kedua: Dapatan Analisis Terhadap Tahap Elemen, Sub Konstruk dan Konstruk Peramal	166
4.3.1	Persoalan Kajian i: Apakah tahap sub konstruk tingkah laku kerjaya proaktif daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan?	167
4.3.2	Persoalan Kajian ii: Apakah tahap sub konstruk sifat positif daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan?	169

4.3.3	Persoalan Kajian iii: Apakah tahap konstruk kebolehpasaran daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan?	171
4.3.4	Persoalan Kajian iv: Apakah tahap elemen bagi kemahiran kebolehkkerjaan daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan dan majikan?	172
4.3.5	Persoalan Kajian v: Apakah tahap sub konstruk kemahiran daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan dan majikan?	175
4.3.6	Dapatan Kajian Melalui Triangulasi (Temu-Bual dan Analisis Dokumentasi)	177
4.4	Bahagian Ketiga: Analisis Dapatan Ujian <i>Mann Whitney U</i>	179
4.4.1	Persoalan Kajian vi: Adakah wujud perbezaan antara perspektif graduan Pengurusan Perniagaan dengan majikan terhadap tahap kemahiran?	179
4.5	Bahagian Keempat: Membangun dan Mengesahkan GMM	180
4.5.1	Dapatan Analisis PLS-SEM Model Pengukuran	181
4.5.1.1	Persoalan Kajian vii: Adakah Model Kebolehpasaran Graduan Pengurusan Perniagaan dapat dijelaskan oleh konstruk dan sub konstruk?	181
4.5.1.2	Persoalan kajian viii: Adakah Model Kebolehpasaran Graduan Pengurusan Perniagaan memenuhi syarat kesahan dan kebolehpercayaan?	183
4.5.1.3	Model Pengukuran: Kesahan Diskriminan (<i>Discriminant Validity</i>)	190
4.5.2	Dapatan Analisis PLS-SEM Model Struktur	206
i.	Model Struktur: <i>Collinearity</i>	207
ii.	Model Struktur: Pekali Laluan Model Struktur T	208
iii.	Model Struktur: Pekali Penentuan R^2	212

iv.	Model Struktur: Effect Size, f^2	213
v.	Model Struktur: Predictive Relevance Q^2	214
4.5.3	Dapatan Analisis PLS-SEM <i>Continuous Moderator</i>	219
4.5.3.1	Persoalan Kajian x, xi dan xii	219
4.6	Rumusan	223
BAB 5	PERBINCANGAN DAN CADANGAN	225
5.1	Pendahuluan	225
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	226
5.2.1	Rumusan Dapatan Kajian Kuantitatif	226
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	228
5.3.1	Tahap Sub Konstruk Tingkah Laku Kerjaya Proaktif, Sifat Positif dan Konstruk Kebolehpasaran	228
5.3.2	Tahap Elemen bagi Kemahiran Kebolehverjaan	231
5.3.3	Tahap Sub Konstruk Kemahiran	234
5.3.4	Perbezaan Perspektif Terhadap Tahap Kemahiran graduan antara Graduan Pengurusan Perniagaan KV dengan Majikan	238
5.3.5	Pembangunan Model Kebolehpasaran Graduan (GMM) untuk Graduan Pengurusan Perniagaan	239
5.3.6	Kesan Pengaruh Hubungan Kemahiran, Tingkah Laku Kerjaya Proaktif dan Sifat Positif Terhadap Kebolehpasaran Graduan	244
5.3.7	Pengalaman Latihan Sebagai Moderator dalam Hubungan Antara Kemahiran, Tingkah Laku Kerjaya Proaktif dan Sifat Positif dengan Kebolehpasaran	250

5.4	Implikasi Kajian	253
5.4.1	Implikasi Model Kebolehpasaran Graduan (GMM)	253
5.4.2	Implikasi Teoritikal	254
5.4.3	Implikasi Kepada TVET	256
5.5	Cadangan Kajian	257
5.6	Kesimpulan	258
	RUJUKAN	261

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1	Sumber dan Bilangan Item dalam Instrumen Kajian 129
3.2	Nilai Indeks Kebolehpercayaan Alpha Cronbach Bagi Item Instrumen 136
3.3	Tafsiran bagi Skor Min 141
3.4	Jadual Ujian Normaliti Data 143
3.5	Nilai Ujian Tiga Andaian dalam SEM 149
3.6	Nilai Kesahan dan Kebolehpercayaan bagi Model Pengukuran 151
3.7	Perbezaan Antara PLS-SEM dan CB-SEM 153
3.8	Analisis Data Kajian 157
4.1	Demografi Responden (Graduan) 163
4.2	Demografi Responden (Majikan) 165
4.3	Tafsiran bagi Skor Min 167
4.4	Analisis Min dan Sisihan Piawai bagi Sub Konstruk Tingkah Laku Kerjaya Proaktif 169
4.5	Analisis Min dan Sisihan Piawai bagi Sub Konstruk Sifat Positif 170
4.6	Analisis Min dan Sisihan Piawai bagi Kebolehpasaran 171

4.7	Analisis Min dan Sisihan Piawai bagi Elemen Kemahiran Kebolehtkerjaan	174
4.8	Analisis Min dan Sisihan Piawai bagi Sub Konstruk Kemahiran	177
4.9	Nilai Signifikan Ujian Mann Whitney U	180
4.10	Dapatan Ujian Internal Consistency Reliability	182
4.11	Dapatan Ujian Convergent Validity	185
4.12	Dapatan Analisis Cross Loading	192
4.13	Dapatan Analisis Kriteria Fornell-Larcker	204
4.14	Dapatan Analisis Kriteria Heterotrait-Monotrait	205
4.15	Nilai VIF untuk Collinearity	207
4.16	Nilai t	209
4.17	Nilai R^2	212
4.18	Nilai f^2 (f-sq)	214
4.19	Nilai Predictive Relevance Q^2	215
4.20	Ringkasan keseluruhan bagi Nilai t, f^2 dan q^2	216
4.21	Rumusan Dapatan Analisis Model Pengukuran	217
4.22	Rumusan Dapatan Analisis Model Struktur	218
4.23	Nilai t Bagi Kesan Moderator	220

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1. Kerangka Teori Model Kebolehpasaran Graduan (GMM)	21
1.2. Kerangka Konsep Model Kebolehpasaran Graduan (GMM)	23
3.1. Prosedur Kajian	118
3.2. Prosedur Pensampelan Kajian	120
3.3. Skala Likert Instrumen Kajian	126
4.1. Model Pengukuran GMM	189
4.2. Model Struktur GMM	211
4.3. Model Struktur Lengkap (GMM)	222
5.1. Model Kebolehpasaran Graduan (GMM)	244

SENARAI SINGKATAN

AMOS	<i>Analysis of Moment Structures</i>
BPLTV	Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional
CFA	<i>Confirmation Factor Analysis</i>
DV	<i>Dependent Variable</i>
DVM	Diploma Vokasional Malaysia
EFA	<i>Education For All</i>
EPRD	<i>Educational Planning and Research Division</i>
GCR	<i>Global Competitive Review</i>
GEM	<i>Graduate Employability enhanceMent</i>
GMM	<i>Graduate Marketability Model</i>
GMI	<i>German Malaysia Institusie</i>
GOF	<i>Goodness of Fit</i>
GSA	<i>Generic Student Attribute</i>
GSA	<i>Generic Student Attribute</i>
IBM	<i>International Business Machine</i>
ICT	<i>Information and Communications Technology</i>
IKM	Institusi Kemahiran Mara
ILP	Institusi Latihan Perindustrian
IPT	Institusi Pengajian Tinggi



IPTA	Institusi Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pengajian Tinggi Swasta
IV	<i>Independent Variable</i>
JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KSKV	Kurikulum Standard Kolej Vokasional
KV	Kolej Vokasional
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
MBA	<i>Master in Business Administration</i>
MDGs	<i>Millennium Development Goals</i>
MFI	<i>Malaysia France Institusie</i>
MITI	<i>Ministry of International Trade and Industry</i>
MQA	<i>Malaysian Qualification Association</i>
MV	<i>Moderating Variable</i>
NCDG	<i>National Career Development Guidelines</i>
NOSS	<i>National Occupational Skills Standard</i>
OJT	<i>On Job Training</i>
PBS	Politeknik Banting Selangor
PLS	<i>Partial Least Square</i>
PLS-SEM	<i>Partial Least Squares-Structural Equation Modeling</i>
PMR	Penilaian Menengah Rendah





PTA	Projek Tahun Akhir
PT3	Penilaian Tingkatan Tiga
PTV	Pendidikan Teknik dan Vokasional
R&D	<i>Research and Development</i>
SCANS	<i>Secretary's Commission on Achieving Necessary Skill</i>
SEM	<i>Struktural Equation Model</i>
SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional
SMT	Sekolah Menengah Teknik
SMV	Sekolah Menengah Vokasional
SPSS	<i>Statistical Package for Social Science</i>
SVM	Sijil Vokasional Malaysia
TN50	Transformasi Nasional 2050
TPV	Transformasi Dalam Pendidikan Vokasional
TVET	<i>Technic and Vocational Education and Training</i>
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UK	<i>United Kingdom</i>
USA	<i>United States of America</i>
USEM	<i>Understanding, Skills, Efficacy beliefs and Metacognition</i>
WEF	<i>World Economic Forum</i>





SENARAI LAMPIRAN

- A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian (KPM)
- B Surat Mohon Kebenaran Mendapatkan Data Kajian (Ftv Upsi)
- C Surat Mohon Kebenaran Menjalankan Kajian (Ftv Upsi)
- D Borang Soal Selidik
- E Borang Kesahan Kandungan Oleh Pakar Instrumen
- F Borang Kesahan Kandungan Keseluruhan Oleh Pakar
- G Analisis *G-Power*
- H *Vocational College Standard Curriculum*
- I *Curriculum Of Competency Unit (Cocu)*
- J Struktur Program Kolej Vokasional
- K Soal Selidik Tinjauan Awal
- L Data Tinjauan Awal
- M Analisis Spss
- N Analisis Pls-Sem (*Measurement Model*)
- O Analisis Pls-Sem (*Structure Model*)
- P Analisis Pls-Sem (*Moderator*)





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan berkenaan perkara yang berkaitan dengan asas pelaksanaan kajian yang telah dijalankan. Ia dimulai dengan perbincangan latar belakang kajian yang melibatkan isu kebolehpasaran graduan lepasan institusi pengajian tertiar tempatan dalam sektor industri dan sedikit sebanyak berkaitan tentang dasar-dasar kerajaan yang berkaitan. Bab ini juga membincangkan mengenai permasalahan yang berlaku dengan secara lebih mendalam, menyatakan tujuan, objektif, persoalan dan hipotesis kajian. Rasional dan signifikan kajian ini dijalankan juga turut diperbincangkan secara ringkas dalam bab ini. Selain itu, perkara-perkara yang menjadi batasan dalam kajian serta skop kajian juga turut diperbincangkan. Akhir sekali, bab ini turut menerangkan mengenai definisi operasional yang dapat dijadikan panduan kepada semua pembaca.





1.2 Latar Belakang Kajian

Malaysia adalah sebuah negara sedang membangun yang mempunyai hasrat untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Sejak tahun 1991 lagi, pihak kerajaan Malaysia telah menjalankan pelbagai usaha dan kini negara semakin hampir dengan hasrat tersebut (Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia). Namun begitu, kemunculan industri 4.0 telah memberi impak kepada negara malah ianya juga telah menjadi tumpuan utama global sejak akhir-akhir ini. Industri 4.0 akan memberi impak terhadap sektor pekerjaan khususnya bagi golongan menengah rendah dalam sektor industri. Ini berlaku akibat daripada pemindahan teknologi robot berkomputer dan sistem komunikasi digital dalam melaksanakan tugas-tugas pekerjaan yang secara langsung akan mengurangkan permintaan terhadap guna tenaga manusia. Namun begitu industri 4.0 juga turut memberi impak positif bagi mereka yang bijak memanfaatkannya. Pelbagai cabaran dan halangan telah di tempoh oleh rakyat dan kerajaan Malaysia dalam merealisasikan impian untuk menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Pihak kerajaan telah menjalankan pelbagai usaha bagi memastikan pertumbuhan ekonomi pesat bakal dicapai oleh negara. Hasilnya kini Malaysia merupakan sebuah negara antara yang paling berdaya saing dari segi ekonomi dalam kalangan negara membangun di Asia.

Menurut laporan Daya Saing Global (GCR, 2016-2017), yang diumumkan dalam Forum Ekonomi Dunia (WEF) yang berpusat di Geneva, Malaysia berkedudukan di tangga ke-25 berdaya saing berbanding kedudukan ke-18 pada tahun sebelumnya. Walaupun laporan tersebut menunjukkan sedikit penurunan, namun begitu Malaysia masih lagi mendahului beberapa negara Asia lain seperti Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei, dan Vietnam. Malaysia juga turut mengatasi beberapa





negara maju seperti Korea Selatan dan beberapa negara Eropah seperti Poland, Itali dan Portugal (WEF, 2016). Pencapaian tersebut diperoleh hasil daripada kerjasama jitu antara pelbagai pihak khususnya kerajaan Malaysia.

Kerajaan telah mengambil pelbagai tindakan proaktif bagi merancang dan memperkenalkan pelbagai dasar dan program bagi memastikan negara terus cemerlang untuk mencapai kedudukan terbaik dalam kalangan kelompok negara yang berdaya saing tinggi dalam ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang pesat secara langsung akan meningkatkan pertumbuhan industri dan seterusnya akan meningkatkan penawaran pekerjaan kepada rakyat Malaysia, khususnya kepada graduan keluaran dari institusi pengajian peringkat tertiar (Zaliza Hanapi & Arasinah Kamis, 2017). Malah ianya saling berkait-rapat antara satu sama lain di mana modal insan dan firma secara bersama dapat membantu pertumbuhan ekonomi dengan lebih pesat di samping memperoleh faedah daripada peningkatan produktiviti dan inovasi (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015).

Pertumbuhan ekonomi yang lemah akan menimbulkan banyak isu dalam negara. Salah satu daripada isu tersebut adalah isu kebolehpasaran graduan lepasan institusi pengajian tertiar khususnya graduan Pengurusan Perniagaan KV dalam sektor industri (Muhammad Hazrul Ismail, 2012; Nazleen Nur Ain Zulkurnain & Sabri Ahmad, 2016; Nooriah Yusof, Norain Mat Lazim, & Zakiah Jamaluddin, 2013; Norliana Hashim, Chang Peng Kee, & Mat Pauzi Abd. Rahman, 2016; Shaharuddin Ahmad et al., 2014). Kebolehpasaran graduan adalah berkait rapat dengan keadaan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara. Ini kerana graduan lepasan institusi pengajian peringkat tertiar adalah tenaga buruh yang akan memberi sumbangan terhadap





pertumbuhan ekonomi negara (Nooriah Yusof et al., 2013). Oleh demikian, isu ini perlu dipandang serius oleh semua pihak yang berkaitan khususnya pihak kerajaan.

Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah melancarkan Rangka Tindakan Kebolehpasaran Graduan (2012-2017) yang bertujuan untuk memastikan agar sekurang-kurangnya sebanyak 75 peratus daripada graduan lepasan pusat pengajian tinggi mendapat pekerjaan dalam bidang yang berkaitan selepas enam bulan menamatkan pengajian (Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia). Rangka tindakan ini merupakan salah satu usaha penting untuk memenuhi keperluan guna tenaga profesional dan mahir bagi tujuan peningkatan pertumbuhan ekonomi negara dengan lebih pesat. Kementerian Pendidikan Malaysia juga turut memberi sokongan terhadap usaha meningkatkan tahap kualiti kemahiran graduan bagi menghadapi sebarang perubahan dalam struktur ekonomi yang secara langsung dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara (Suhaili Hanafi, 2015).

Namun begitu terdapat beberapa faktor lain yang menjadi penyebab kepada kebolehpasaran graduan khususnya graduan Pengurusan Perniagaan KV selain faktor pertumbuhan ekonomi negara (Bishanani Omar, Sharifah Norul Akmar Syed Zamri, & Norlidah Alias, 2016; Hazilah Mohd Amin, Johari Jaafar, Zaihosnita Hood, Saidah Saad, & Hamizah Mohd Amin, 2013; Intan Nazrifa Tormudzi, 2012; Norliana Hashim et al., 2016; Zaliza Hanapi & Arasinah Kamis, 2017). Pada masa kini, pasaran buruh adalah lebih berdaya-saing kesan daripada peningkatan terhadap penggunaan teknologi moden dan kehendak majikan yang pelbagai (Norliana Hashim et al., 2016).





Isu kebolehpasaran khususnya isu pengangguran dalam kalangan graduan Pengurusan Perniagaan KV merupakan satu isu penting yang perlu diberi perhatian serius. Fenomena ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti kadar pertumbuhan ekonomi negara yang perlahan, permintaan industri yang tidak konsisten serta ketidaksetaraan antara kehendak dan keperluan majikan industri dengan kemahiran yang dimiliki graduan (Zafir Mohd Makhbul, Ishak Yussof, & Abd Hair Awang, 2015). Isu pengangguran dalam kalangan graduan Pengurusan Perniagaan KV ini bukan saja boleh merugikan banyak pihak, malah ia juga boleh melemahkan pertumbuhan ekonomi negara. Keadaan ini berlaku sekiranya keupayaan modal insan ini tidak dapat diketengahkan untuk tujuan membangunkan negara (Norliana Hashim et al., 2016). Ini jelas menunjukkan bahawa graduan Pengurusan Perniagaan KV yang merupakan sumber manusia atau modal insan, adalah sangat berkait rapat dengan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Nooriah Yusof et al., 2013).

Integrasi antara pekerja dan majikan serta penglibatan mereka secara efektif merupakan faktor kejayaan yang boleh menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi sesebuah negara (Aida, Norailis, & Rozaini, 2015). Pertumbuhan ekonomi negara adalah penting dalam memastikan negara terus berupaya untuk bersaing di peringkat global di samping memberi ruang dan peluang kepada pelbagai industri untuk terus berkembang dengan lebih pesat. Seterusnya pertumbuhan dalam industri akan memberi lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga negara Malaysia khususnya graduan Pengurusan Perniagaan KV di mana peluang pekerjaan yang banyak akan memendekkan tempoh pencarian pekerjaan (Muhammad Hazrul Ismail, 2012). Walau bagaimanapun ianya juga bergantung pada tahap kebolehpasaran graduan itu sendiri.





Bermula dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), yang bertemakan “Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial” telah memperuntukkan sejumlah RM 290 billion bagi meneruskan kesinambungan untuk merealisasikan matlamat negara untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Kerajaan Malaysia memberi fokus kepada pembaharuan dalam pasaran buruh bagi tujuan membangunkan modal insan negara, dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan pendidikan teknik vokasional dan latihan (TVET) khususnya di KV seluruh Malaysia (Zaliza Hanapi & Arasinah Kamis, 2017). Ini bertujuan untuk membangunkan kualiti keseluruhan tenaga kerja khususnya kepada graduan Pengurusan Perniagaan KV dengan meningkatkan kemahiran yang dapat memenuhi keperluan pasaran buruh (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015).



Usaha kerajaan dalam meningkatkan tahap pertumbuhan ekonomi negara adalah menyeluruh dan melibatkan banyak pihak khususnya pihak industri dan institusi pengajian tertiar bagi melahirkan modal insan berkemahiran yang bertaraf dunia (Jackson, 2016a; Nooriah Yusof et al., 2013). Oleh demikian, usaha ini perlu melibatkan satu pelaburan yang besar dan tepat dalam membentuk modal insan seperti yang diharapkan. Kemahiran, pembangunan kerjaya dan kecerdasan emosi adalah satu pelaburan penting bagi membangunkan negara dan menjadi tunjang utama kepada inovasi dan ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif (Rancangan Malaysia Kesepuluh, 2011-2015).

Kesinambungan dari RMKe-10, kerajaan Malaysia seterusnya telah memperkenalkan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11, 2016-2020). RMKe-11





meneruskan agenda kerajaan dalam melahirkan modal insan khususnya graduan Pengurusan Perniagaan KV yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan memiliki sifat positif untuk terus maju dan berdaya saing dalam ekonomi global. Dalam RMKe-11, pihak kerajaan Malaysia telah memberi tumpuan kepada empat bidang utama iaitu menambah baik kecekapan pasaran buruh untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, mentransformasikan TVET untuk memenuhi permintaan industri, memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat untuk peningkatan kemahiran dan menambah baik kualiti sistem pendidikan bagi peningkatan *outcome* pelajar dan kecemerlangan institusi (Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020).

Dalam agenda ekonomi RMKe-11, Malaysia dijangkakan mewujudkan sebanyak 1.5 juta peluang pekerjaan menjelang tahun 2020. Penambahbaikan produktiviti buruh dijangka akan berlaku dan ini akan mengurangkan tahap kebergantungan negara terhadap buruh asing berkemahiran rendah. Keadaan ini adalah kesan daripada peralihan berterusan aktiviti ekonomi yang berintensif buruh kepada aktiviti ekonomi yang berasaskan pengetahuan dan inovasi (Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020). Kerajaan menjangkakan sebanyak 60 peratus daripada pekerjaan yang diwujudkan memerlukan bidang kemahiran yang berkaitan dengan TVET dan ia juga dianggap sebagai pemacu kepada perubahan Malaysia dalam menghasilkan modal insan berkemahiran (Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020).

Bidang fokus ini akan melahirkan modal insan bertaraf global yang diperlukan negara dalam fasa terakhir untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Keadaan ini dilihat sebagai satu fenomena positif yang secara





tidak langsung akan meningkatkan lagi persaingan dan cabaran graduan Pengurusan Perniagaan KV dalam meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka dalam pasaran buruh sebenar. Oleh demikian, graduan Pengurusan Perniagaan KV perlu lebih berdaya saing untuk mendapatkan pekerjaan dalam pasaran buruh malah mampu untuk mencipta peluang pekerjaan sendiri dengan meningkatkan kemahiran secara lebih menyeluruh dan bersesuaian dengan kehendak semasa industri.

Peranan pihak industri, KV dan masyarakat amnya di samping pihak kerajaan melalui kementerian-kementerian berkaitan adalah sangat penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara yang secara tidak langsung dapat membantu menangani isu kebolehpasaran dalam kalangan graduan Pengurusan Perniagaan KV (Artess, Mellors-Bourne, & Hooley, 2017; Jackson, 2014; Teresa & Oliveira, 2013). Pihak kerajaan melalui pihak BPLTV sangat memandang serius isu kebolehpasaran graduan KV khususnya graduan Pengurusan Perniagaan. Oleh itu program tamat pengajian yang pernah diperkenalkan oleh pihak kerajaan sebelum ini perlu diwujudkan dengan tujuan meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan khususnya graduan Pengurusan Perniagaan KV (Jamal Ali et al., 2014). Selain itu, Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) melalui pengintegrasian bersama bidang kursus dan latihan industri antara institusi pengajian dengan pihak industri adalah perlu dilaksanakan oleh pihak KV. Sistem latihan ini secara langsung akan menggalakkan penglibatan pihak industri untuk turut serta menyumbang dalam pendidikan teknikal dan vokasional kepada pihak KV agar ia sepadan dengan kehendak dan keperluan semasa industri (Wan Nur Azlina Ibrahim, Ab. Rahim Bakar, Soaib Asimiran, Shamsiah Mohamed, & Noor Syamilah Zakaria, 2015).





Pertumbuhan ekonomi negara bergantung kepada lima sektor utama iaitu sektor perkhidmatan, perkilangan, pertanian, perlombongan dan pembinaan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Perkembangan sektor-sektor ini amat memerlukan tenaga buruh iaitu modal insan yang berkemahiran bagi memastikan agar setiap sektor ini dapat digerakkan dan sekali gus dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara. Oleh demikian, keperluan terhadap tenaga buruh sama ada mahir atau separa mahir serta tenaga pakar dalam pelbagai bidang adalah asas utama yang perlu ada dalam memastikan pembangunan ekonomi negara terus berkembang dan berdaya saing di peringkat global. Begitu juga keperluan terhadap graduan Pengurusan Perniagaan yang berkemahiran menggambarkan betapa pentingnya pembangunan modal insan dalam kalangan graduan Pengurusan Perniagaan KV agar ia benar-benar bersesuaian dengan keperluan semasa pasaran buruh. Ini kerana pembangunan modal insan khususnya dalam kalangan graduan Pengurusan Perniagaan KV mempunyai kaitan yang rapat dengan pertumbuhan ekonomi dan merupakan penggerak kepada pertumbuhan ekonomi dalam era globalisasi di mana tahap teknologi semakin canggih dan dinamik (Nooriah Yusof et al., 2013; Norliana Hashim et al., 2016).

Pihak kerajaan telah memperkenalkan dasar Industri 4.0 Kebangsaan. Buat masa ini, kerajaan sedang menyelaras lima kumpulan kerja merangkumi pelbagai kementerian bagi menghasilkan rangka kerja dasar Industri 4.0 Kebangsaan. Pelaksanaan dasar ini telah dilakukan oleh pihak kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Dasar Industri 4.0 ini memberi empat kebaikan utama terhadap industri dalam negara iaitu ia meningkatkan fleksibiliti dalam amalan industri, meningkatkan produktiviti, kecekapan, kualiti dan mengurangkan masa sesuatu barangan untuk dipasarkan, meningkatkan aktiviti





Research and Development (R&D) dan membangunkan kemahiran serta bakat baru secara menyeluruh (Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, MITI). Keempat-empat kebaikan utama ini, adalah berkaitan dengan tenaga buruh dan tahap kebolehpasaran graduan Pengurusan Perniagaan KV khususnya bagi kebaikan ke empat iaitu membangunkan kemahiran serta bakat baru secara menyeluruh.

1.3 Penyataan Masalah

Malaysia masih lagi menghadapi beberapa isu ekonomi yang tidak dapat diselesaikan sepenuhnya. Salah satu isu tersebut adalah isu pengangguran yang mempunyai perkaitan dengan kebolehpasaran dalam kalangan graduan. Fenomena pengangguran dan kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan dalam kalangan graduan lepasan institusi pengajian tertiar adalah berada pada tahap yang sangat membimbangkan (Dian Indrayani Jambari, Umi Asma' Mokhtar, Hana Yasmein Ishak, & Mohd Ridzwan Yaakub, 2015; Kee-Cheok Cheong, Hill, Fernandez-Chung, & Yin-Ching Leong, 2016; Mei Chou Chun & Hua Shen Chien, 2015; Norliana Hashim et al., 2016; Suhaili Hanafi, 2015; United Nations General Assembly, 2015; Zaliza Hanapi, Mohd Safarin Nordin, & Ridzwan Che Rus, 2015).

Secara umumnya kadar pengangguran di Malaysia pada tahun 2019 dan 2018 adalah pada kadar 3 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2019). Semasa kajian ini mula dijalankan pada tahun 2017, kadar pengangguran adalah 3.4 peratus (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Keadaan ini menjelaskan bahawa wujudnya trend kadar pengangguran yang konsisten antara tahun demi tahun dengan kadar yang hampir sama dan boleh dianggap tinggi. Ini menggambarkan bahawa isu pengangguran di





Malaysia bukan hanya merupakan isu semasa malah ianya juga adalah isu yang berpanjangan. Situasi ini seolah-olah menunjukkan bahawa tiada jalan penyelesaian yang benar-benar berkesan dapat menyelesaikan masalah pengangguran khususnya dalam kalangan graduan Pengurusan Perniagaan.

Fenomena pengangguran ini melibatkan graduan dalam pelbagai bidang. Bidang Sastera dan Sains Sosial khususnya dalam program Pengurusan Perniagaan, bidang Sains dan bidang Teknikal adalah tiga bidang teratas yang menyumbang jumlah peratusan pengangguran tertinggi dalam kalangan graduan di Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2017). Merujuk kepada kajian Pengesanan Graduan 2015 mendapati bahawa graduan dalam bidang Sastera dan Sains Sosial khususnya graduan Pengurusan Perniagaan adalah penyumbang terbesar pengangguran di Malaysia dengan kadar 26.7%, iaitu dengan jumlah 27,316 graduan. Ini diikuti oleh bidang Pengajian Teknikal dengan kadar pengangguran 23.6% dengan jumlah 11,480 graduan. Dapatan kajian Pengesanan Graduan 2015 tersebut telah disokong dengan dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Atif Aziz & Faizuniah Pangil (2017) yang mendapati bahawa graduan Pengurusan Perniagaan menduduki kedudukan tertinggi dalam senarai pengangguran belia di Malaysia. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa isu pengangguran dalam kalangan graduan Pengurusan Perniagaan adalah pada tahap yang membimbangkan.

Kajian ini juga telah mendapatkan sumber data *primary* daripada kajian Pengesanan Graduan KV yang telah dilaksanakan oleh pihak BPLTV melalui pihak kaunselor KV di seluruh Malaysia pada tahun 2017. Kajian ini melibatkan semua bidang yang ditawarkan oleh KV, namun begitu bagi tujuan kajian ini, hanya





maklumat berkenaan dengan program Pengurusan Perniagaan sahaja telah diambil kira. Dapatan kajian mendapati bahawa seramai 853 (82%) graduan daripada jumlah keseluruhan 1040 graduan Pengurusan Perniagaan KV ambilan 2013 telah mendapatkan pekerjaan. Manakala bakinya seramai 187 (18%) adalah masih menganggur. Berdasarkan dapatan tersebut, ternyata KV telah memenuhi matlamatnya untuk mengeluarkan graduan dengan memperoleh pekerjaan dalam tempoh enam bulan pertama dengan mencapai kadar sekurang-kurangnya 70%. Namun begitu, dapatan kajian pengesanan graduan ini diperoleh secara umum tanpa mengambil kira sama status graduan yang bekerja tersebut, sama ada bekerja dalam bidang pengajian mereka atau tidak. Kajian tersebut juga tidak mengambil kira sama ada graduan yang bekerja tersebut bekerja secara tetap ataupun hanya berstatus kontrak dan sementara sahaja. Oleh demikian, kajian ini telah melihat akan keperluan untuk menjalankan satu tinjauan awal bagi meneliti dan mengupas isu pengangguran sebenar dalam kalangan graduan Pengurusan perniagaan KV di Malaysia.

Satu tinjauan awal terhadap 263 graduan Pengurusan Perniagaan KV Malaysia yang telah menamatkan pengajian mereka pada tahun 2017 telah dijalankan. Tinjauan awal ini bertujuan untuk mengetahui status terkini graduan (setelah lebih enam bulan menamatkan pengajian di KV) bagi mengenal pasti sama ada wujudnya jurang antara graduan Pengurusan Perniagaan dengan peluang pekerjaan dalam pasaran buruh. Instrumen soal selidik yang telah disahkan oleh tiga orang pakar digunakan dalam tinjauan awal ini (Lampiran K). Soal selidik (*Google form*) dalam talian telah dibangunkan dan diedarkan secara rawak kepada kesemua 1040 graduan Pengurusan Perniagaan KV dengan merujuk kepada maklumat email graduan yang diperoleh dari pihak BPLTV. Tinjauan awal ini dijalankan secara rawak memandangkan kedudukan





lokasi graduan tidak dapat ditentukan kerana mereka sudah menamatkan pengajian di KV masing-masing. Tinjauan ini mendapati bahawa 60.1 peratus (158) graduan Pengurusan Perniagaan mempunyai status bekerja, 35.4 peratus (93) tidak bekerja dan 4.6 peratus (12) menyambung pengajian (Lampiran L). Ini memberikan gambaran bahawa bilangan graduan KV yang menganggur adalah pada tahap yang tinggi dan agak membimbangkan.

Dapatan dari tinjauan awal ini juga mendapati bahawa 75.9 peratus (120) bekerja dalam bidang pengajian mereka dan 24.1 peratus (38) adalah sebaliknya. Malah daripada jumlah graduan yang bekerja juga didapati bahawa 48.7 peratus (77) adalah bekerja secara tetap, 37.3 peratus (59) bekerja dengan status sementara dan 13.9 peratus (22) adalah berstatus kontrak. Dapatan tinjauan awal ini jelas menunjukkan bahawa bilangan graduan Pengurusan Perniagaan yang masih menganggur adalah pada tahap yang membimbangkan, malah bagi graduan yang bekerja pula, status sebagai pekerja sementara dan kontrak adalah tidak menjamin kesinambungan mereka dalam pekerjaan tersebut pada masa akan datang. Dapatan tinjauan awal ini juga adalah bertentangan dengan matlamat KV yang menyasarkan 70 peratus daripada graduan bagi satu-satuambilan mendapat pekerjaan, 10 peratus menjadi usahawan dan 20 peratus menyambung pengajian.

Graduan khususnya graduan Pengurusan Perniagaan didapati kurang kemahiran serta tidak mempunyai kebolehan dari segi tindakan kerjaya yang proaktif dalam mempersiapkan diri bagi menghadapi persaingan dalam pasaran buruh (Day, 2005; Nooriah Yusof et al., 2013). Dalam kajian mereka, tingkah laku kerjaya yang proaktif perlu diberi penekanan dan ia adalah sangat penting bagi memastikan setiap





graduan boleh mendapatkan pekerjaan. Yunjuan He & Xizhen Qin (2017), mendapati bahawa isu pengangguran ini juga adalah berkaitan dengan perasaan minat graduan dalam mempelajari sesuatu yang baru serta sikap tindakan kerjaya yang proaktif untuk mendapatkan pekerjaan adalah sangat kurang. Perkara ini juga berkait-rapat dengan sifat positif yang lemah dalam kalangan graduan yang secara langsung mempengaruhi tahap kebolehpasaran mereka (Bishanani Omar et al., 2016; Day, 2005; Johar Bunimin, 2016; Mohamad Sattar Rasul, Md Yusof Ismail, Napsiah Ismail, Muhammad Rashid Rajuddin, & Rose Amnah Abdul Rauf, 2009; Mohd Hasril Amiruddin, Isma Atiqah Ngadiran, Fathin Liyana Zainudin, & Norhayati Ngadiman, 2016; Olugbola, 2017; Yahya Buntat, 2004; Zafir Mohd Makhbul et al., 2015).

Walaupun banyak kajian telah dijalankan berkaitan dengan isu pengangguran dan kebolehpasaran graduan, namun begitu kajian lepas banyak menumpukan terhadap graduan lepasan institusi pengajian tinggi dalam peringkat ijazah pertama dan melibatkan sama ada universiti awam ataupun swasta (Amanuddin Shamsuddin, Khairon Hamizah Mohmad Isa, Muhammad Naim Aziz, Nur Zahidah Nafisah Mohamed Mahfol, & Thevamalar Alagari, 2013; Dian Indrayani Jambari et al., 2015; Jackson, 2016a; Kee-Cheok Cheong et al., 2016; Noor Lela Ahmad & Suraini Mohd Rhouse, 2016; Noorah Yusof et al., 2013; Sarimah Ismail & Dahiru Sale Mohammed, 2015; Shahrudin Ahmad et al., 2014; Zaliza Hanapi et al., 2015). Namun begitu amat kurang kajian yang mengkaji tentang kebolehpasaran graduan yang melibatkan graduan Pengurusan Perniagaan peringkat diploma khususnya keluaran KV. Kajian yang melibatkan graduan Pengurusan Perniagaan KV ini adalah sangat kurang memandangkan graduan tersebut adalah graduan ambilan pertama KV yang bergraduasi iaitu pada tahun 2017.





Selain itu, kajian lepas juga banyak menumpukan kepada isu kemahiran kebolehkerjaan yang dimiliki oleh graduan tetapi amat kurang kajian yang menumpukan kepada kebolehpasaran (*marketability*) graduan (Bishanani Omar et al., 2016; Jackson, 2016a; Kee-Cheok Cheong et al., 2016; McLachlan, Yeomans, & Lim, 2017; Mohd Hasril Amiruddin et al., 2016; Mohd Hazwan Mohd Puad, 2015; Muhammad Sabri Sahrir et al., 2016; O'Neil, 2014; Ridzwan Che Rus, Ruhizan Mohammad Yasin, & Mohammad Sattar Rasul, 2014; Sarimah Ismail & Dahiru Sale Mohammed, 2015; Zaliza Hanapi & Arasinah Kamis, 2017; Zaliza Hanapi et al., 2015). Justeru itu, kajian ini telah dijalankan dengan tujuan untuk membangunkan Model Kebolehpasaran Graduan (GMM) Pengurusan Perniagaan KV Malaysia. Dapatan kajian dijangka dapat membantu banyak pihak khususnya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) dan KV dalam melahirkan graduan yang mempunyai tahap kebolehpasaran yang tinggi.

Graduan dengan kemahiran yang diperlukan industri di samping faktor lain seperti sifat positif dan tingkah laku kerjaya proaktif akan memacu mereka kepada tahap terbaik untuk bersaing dalam pasaran buruh. Keadaan ini akan membuka ruang yang luas kepada setiap graduan agar dapat menempatkan diri mereka dengan mudah dalam pasaran pekerjaan semasa untuk mendapatkan pekerjaan malah ia juga dapat membantu graduan dalam mencipta peluang pekerjaan sendiri. Secara tidak langsung, ini dapat membantu mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan produktiviti sektor industri dan sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.





1.4 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk membangunkan GMM bagi graduan Pengurusan Perniagaan KV Malaysia. Kajian ini juga bertujuan untuk meninjau tahap kebolehpasaran graduan Pengurusan Perniagaan KV Malaysia serta mengenal pasti hubungan antara konstruk kemahiran, tingkah laku kerjaya yang proaktif dan sifat positif dengan kebolehpasaran graduan, di mana pengalaman latihan (*internship training*) sebagai moderator. Dalam kajian ini konstruk pengalaman latihan sebagai moderator merupakan satu penerokaan baru yang dijangka dapat menyumbang kepada kebolehpasaran graduan Pengurusan Perniagaan khususnya di KV. Ini kerana dalam kajian-kajian sebelum ini, penerokaan terhadap konstruk pengalaman latihan sebagai moderator di antara konstruk kemahiran, tingkah laku kerjaya yang proaktif dan sifat positif dengan kebolehpasaran graduan masih belum dijalankan lagi.



Pengkaji telah mengenal pasti bahawa konstruk-konstruk yang telah dinyatakan tersebut merupakan keperluan bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan Pengurusan Perniagaan dalam pasaran buruh bagi mendapatkan pekerjaan dan mencipta peluang pekerjaan sendiri seperti menjadi usahawan. Dalam kajian ini pengkaji telah membangunkan GMM dengan memasukkan pemboleh ubah moderator (MV) selain pemboleh ubah bebas (IV) dan pemboleh ubah bersandar (DV) iaitu kebolehpasaran graduan Pengurusan Perniagaan KV Malaysia. Berbanding dengan beberapa kajian lepas, kebanyakan kajian lebih menumpukan tentang tahap kemahiran kebolehkerjaan pada perspektif pelbagai pihak dan membangunkan kerangka konsep kebolehpasaran graduan tanpa melibatkan peranan pengalaman latihan sebagai konstruk MV. Oleh itu, kajian ini wajar dijalankan bagi membantu pihak berkaitan khususnya KV bagi mempersiapkan graduan dengan tahap kebolehpasaran yang





tinggi agar mereka berpeluang untuk mendapat dan mencipta peluang pekerjaan dalam pasaran buruh kelak.

1.5 Objektif Kajian

Objektif kajian ini terbahagi kepada tiga bahagian utama di mana bahagian satu terdiri daripada objektif satu hingga empat, bahagian kedua terdiri daripada objektif lima dan enam, dan seterusnya bahagian tiga terdiri daripada objektif tujuh. Bahagian satu bertujuan untuk melihat tahap kemahiran graduan Pengurusan Perniagaan KV dari perspektif graduan itu sendiri serta perspektif dari majikan graduan tersebut. Manakala bahagian ke dua pula bertujuan untuk membangunkan GMM dengan melihat kesan pengaruh hubungan antara konstruk yang dikaji. Bahagian ketiga pula bertujuan untuk melihat pengaruh moderator terhadap hubungan antara konstruk kajian. Tujuh objektif tersebut adalah seperti berikut:

- i. Menenal pasti tahap sub konstruk tingkah laku kerjaya proaktif, sifat positif dan konstruk kebolehpasaran daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan.
- ii. Menenal pasti tahap elemen bagi kemahiran kebolehkerjaan daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan dan majikan.
- iii. Menenal pasti tahap sub konstruk kemahiran daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan dan majikan.
- iv. Mengkaji sama ada wujudnya perbezaan antara perspektif graduan Pengurusan Perniagaan dan majikan terhadap tahap kemahiran.





- v. Membangun dan mengesahkan model Kebolehpasaran Graduan Pengurusan Perniagaan.
- vi. Menentukan pengaruh kemahiran, tingkah laku kerjaya proaktif dan sifat positif terhadap kebolehpasaran graduan.
- vii. Menentukan pengaruh pengalaman latihan sebagai moderator dalam hubungan antara kemahiran, tingkah laku kerjaya proaktif dan sifat positif dengan kebolehpasaran.

1.6 Soalan Kajian

- i. Apakah tahap sub konstruk tingkah laku kerjaya proaktif daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan?
- ii. Apakah tahap sub konstruk sifat positif daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan?
- iii. Apakah tahap konstruk kebolehpasaran daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan?
- iv. Apakah tahap elemen bagi kemahiran kebolehkerjaan daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan dan majikan?
- v. Apakah tahap sub konstruk kemahiran daripada perspektif graduan Pengurusan Perniagaan dan majikan?
- vi. Adakah wujud perbezaan antara perspektif graduan Pengurusan Perniagaan dengan majikan terhadap tahap kemahiran?
- vii. Adakah Model Kebolehpasaran Graduan Pengurusan Perniagaan dapat dijelaskan oleh konstruk dan sub konstruk?





- viii. Adakah Model Kebolehpasaran Graduan Pengurusan Perniagaan memenuhi syarat kesahan dan kebolehpercayaan?
- ix. Sejauh manakah kemahiran, tingkah laku kerjaya proaktif dan sifat positif mempengaruhi kebolehpasaran graduan?
- x. Adakah pengalaman latihan merupakan moderator kepada hubungan antara kemahiran dengan kebolehpasaran graduan?
- xi. Adakah pengalaman latihan merupakan moderator kepada hubungan antara tingkah laku kerjaya proaktif dengan kebolehpasaran graduan?
- xii. Adakah pengalaman latihan merupakan moderator kepada hubungan antara sifat positif dengan kebolehpasaran graduan?



- Ha1 Wujud perbezaan yang signifikan antara perspektif graduan Pengurusan Perniagaan dengan majikan terhadap tahap kemahiran.
- Ha2 Wujud pengaruh yang signifikan antara kemahiran dengan kebolehpasaran graduan.
- Ha3 Wujud pengaruh yang signifikan antara tingkah laku kerjaya proaktif dengan kebolehpasaran graduan.
- Ha4 Wujud pengaruh yang signifikan antara sikap positif dengan kebolehpasaran graduan.
- Ha5 Pengalaman latihan merupakan moderator kepada hubungan antara kemahiran dengan kebolehpasaran graduan.





- Ha6 Pengalaman latihan merupakan moderator kepada hubungan antara tingkah laku kerjaya proaktif dengan kebolehpasaran graduan.
- Ha7 Pengalaman latihan merupakan moderator kepada hubungan antara sifat positif dengan kebolehpasaran graduan.


1.8 Kerangka Teori dan Kerangka Konsep Kajian

Dalam kajian ini, beberapa teori dan model telah diadaptasi untuk mendapatkan beberapa konstruk utama yang dijangka dapat memberi pengaruh hubungan terhadap kebolehpasaran graduan. Konstruk utama tersebut diperoleh melalui pembacaan literatur secara lebih mendalam dan teliti bagi memastikan konstruk-konstruk yang terpilih adalah benar-benar dapat menyumbang kepada kebolehpasaran graduan seperti yang diharapkan. Berdasarkan kepada kerangka teori yang telah dibentuk, kajian ini akhirnya dapat menghasilkan kerangka konsep kajian.

Terdapat beberapa model dan teori dalam kajian lepas yang berkaitan dengan kebolehpasaran. Kerangka teori untuk kajian ini datangnya daripada gabungan beberapa teori dan model dari kajian lepas yang berkaitan dengan kebolehpasaran, kemahiran, tingkah laku kerjaya proaktif, sifat positif dan peranan moderator pengalaman latihan (*internship experience*). Model kajian ini merupakan adaptasi daripada gabungan dan penambahbaikan yang dibuat oleh pengkaji daripada Teori Model Manusia (1961, 1975), Teori Konsep Kendiri dalam Pembangunan Kerjaya (1980, 1990), *Model of Theoretical predictors of Marketability* (2005), Model Hubungan Kerjaya yang merujuk kepada Suruhanjaya Pencapaian Keperluan Kemahiran (SCANS, 2001) dan Dimensi Kemahiran Pendidikan Vokasional (BPLTV



2011) dengan memasukkan pengalaman latihan sebagai moderator. Dalam kajian lepas juga beberapa teori dikaitkan dalam mengkaji hubungan dan perkaitan antara kebolehpasaran dengan konstruk-construct yang mempengaruhinya. Namun begitu kajian ini mempunyai kekuatan yang tersendiri apabila menggunakan konstruk Pengalaman Latihan sebagai moderator yang sebelum ini tidak diuji dalam kajian-kajian lain. Teori-teori yang telah dinyatakan di atas, telah dipilih untuk digunakan dalam kajian ini memandangkan ia dilihat mempunyai perkaitan yang kukuh dengan kajian pengkaji untuk membangunkan GMM. Kerangka teori kajian ini digambarkan seperti dalam Rajah 1.1 berikut:



Rajah 1.1. Kerangka Teori Model Kebolehpasaran Graduan (GMM)

Kerangka konsep kajian ini pula dibentuk dengan tujuan untuk memperincikan lagi gambaran hubungan antara konstruk-construct kajian ini. Dalam kajian ini, konstruk pengalaman bekerja telah digunakan sebagai moderator antara ketiga-tiga konstruk penentu dengan konstruk kebolehpasaran graduan. Kerangka konsep kajian




ini juga merangkumi pemilihan sub konstruk kepada konstruk kemahiran yang terdiri daripada empat kemahiran utama iaitu kemahiran asas akademik, kemahiran kebolehterapan, kemahiran teknikal dan kemahiran keusahawanan.

Begitu juga dengan dua konstruk utama yang berikutnya iaitu tingkah laku kerjaya proaktif dan sifat positif masing-masing mempunyai sub konstruk yang tersendiri. Sub konstruk tersebut adalah jaringan hubungan, penglibatan dalam perhubungan dan persediaan peralihan kerja bagi konstruk tingkah laku kerjaya proaktif manakala optimis, konsep sendiri yang positif dan pembelajaran berorientasikan matlamat merupakan sub konstruk bagi sifat positif. Dengan melihat kepada perkaitan hubungan antara ketiga-tiga konstruk utama ini dengan kebolehpasaran graduan di mana pengalaman latihan berfungsi sebagai moderator maka pengkaji telah menghasilkan kerangka konsep bagi membangunkan GMM.

Kerangka konsep kajian ini digambarkan seperti dalam Rajah 1.2 berikut:





Rajah 1.2. Kerangka Konsep Model Kebolehpasaran Graduan (GMM)

Rajah 1.2 menunjukkan lima konstruk utama yang terlibat dalam kajian ini iaitu konstruk kemahiran, tingkah laku kerjaya proaktif dan sifat positif yang merupakan IV (*Independent Variable*), MV (*Moderating Variable*) yang diwakili oleh pengalaman latihan dan DV (*Dependent Variable*) yang diwakili oleh konstruk kebolehpasaran graduan Pengurusan Perniagaan. Berdasarkan analisis dokumen dan dapatan dari kajian lepas, maka pengkaji dapat menghasilkan kerangka konseptual kajian ini bagi menggambarkan keseluruhan konsep kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Bagi IV iaitu konstruk kemahiran, tingkah laku kerjaya proaktif dan sifat positif, dapatan analisis kajian awalan menunjukkan ketiga-tiga konstruk ini ada dinyatakan dalam beberapa kajian lepas. Sehubungan itu, moderator pengalaman latihan diramal dapat memberi sumbangan dalam memperkukuhkan lagi perkaitan hubungan di antara ketiga-tiga konstruk utama tadi dengan konstruk kebolehpasaran graduan. Berdasarkan kerangka konsep kajian ini, ketiga-tiga konstruk utama ini



dengan peranan pengalaman latihan sebagai moderator, ia dijangka dapat menyumbang dalam membangunkan GMM bagi graduan Pengurusan Perniagaan khususnya di KV.

Daripada kerangka konsep ini juga dapat menjelaskan hala tuju sebenar kajian ini. Maklumat yang diperolehi daripada hasil pembacaan dan penelitian kajian lepas dapat membantu pengkaji dalam menjalankan kajian ini untuk mengenal pasti konstruk dan sub konstruk yang boleh diorientasikan dalam pembentukan GMM. Sehubungan itu, GMM amat bersesuaian untuk dibangunkan supaya ia dapat membantu banyak pihak khususnya pihak institusi pengajian di peringkat tertiar dan industri bagi sama-sama menghasilkan graduan Pengurusan Perniagaan yang mempunyai bukan sahaja ilmu pengetahuan dalam bidang akademik semata-mata, tetapi graduan juga akan diterapkan dengan gabungan empat kemahiran utama yang telah dinyatakan sebelum ini iaitu kemahiran asas akademik, kemahiran kebolehterapan, kemahiran teknikal dan kemahiran keusahawanan bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan dalam pasaran buruh serta memenuhi kehendak dan keperluan majikan industri.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini telah menentukan faktor yang boleh menyumbang kepada kebolehpasaran graduan lepasan institusi pengajian di peringkat tertiar khususnya bagi graduan Pengurusan Perniagaan KV. Kajian ini juga telah mengenal pasti tahap kemahiran yang dimiliki oleh graduan Pengurusan Perniagaan dari perspektif graduan itu sendiri dan majikan. Pengkaji berharap agar model yang telah dibangunkan dari kajian ini





dapat dibincangkan secara berterusan serta digunakan bagi membantu pihak yang berkaitan agar dapat dibuat penambahbaikan. Selain itu, GMM juga dapat membantu dalam meningkatkan lagi kualiti kemahiran di samping tindakan kerjaya yang proaktif dan sikap positif graduan yang secara langsung dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran graduan dalam pasaran buruh. Kajian ini mempunyai pelbagai kepentingan kepada banyak pihak khususnya kepada pentadbir KV di seluruh Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV), pihak majikan dan industri serta yang paling utama adalah kepada graduan Pengurusan Perniagaan di KV.

a) Pentadbir Kolej Vokasional (KV)

Dapatan kajian ini adalah penting kepada pihak pentadbir KV dalam membuat perancangan dan merangka program-program penambahbaikan bagi mempertingkatkan lagi mutu dan kualiti kaedah penyampaian dan kandungan kurikulum secara menyeluruh. Perancangan dan program yang dirancang ini seterusnya dapat membentuk satu matlamat jelas dan seterusnya dapat dilaksanakan oleh setiap pensyarah KV dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka dengan memberi penekanan khusus kepada kaedah dan strategi yang bersesuaian untuk menerapkan sifat positif dan amalan tindakan kerjaya yang proaktif dalam setiap diri graduan selain dari mengajar kemahiran yang berkaitan. Ini bagi memastikan graduan yang dihasilkan oleh KV adalah benar-benar berkualiti bukan saja dalam aspek kemahiran tetapi mereka juga mempunyai sikap yang lebih positif dan mempunyai kemampuan untuk bertindak secara proaktif dalam usaha mendapatkan pekerjaan setelah mereka menamatkan pengajian kelak.





- b) Kementerian Pendidikan Malaysia. khususnya Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV)

Kajian ini diharapkan dapat menjadi rujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) untuk membuat penambahbaikan secara menyeluruh di peringkat dasar yang membawa kepada pelaksanaan yang lebih berfokus di peringkat KV. GMM telah dibangunkan hasil daripada dapatan kajian tinjauan yang mempunyai maklumat sebenar berkenaan dengan tahap kebolehpasaran graduan KV khususnya graduan Pengurusan Perniagaan bagi ambilan pertama. Oleh demikian, dapatan ini dapat menjadi sumber rujukan dan panduan bagi pihak BPLTV di samping menggunakan GMM yang telah dibangunkan sebagai panduan asas untuk merancang dan membina strategi baru dalam menghasilkan produk KV yang berdaya saing bukan saja dalam pasaran pekerjaan tempatan malah dalam pasaran pekerjaan global juga.

- c) Industri dan Majikan

Pihak industri dan majikan secara bersama-sama dengan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) serta KV dapat menjalinkan kerjasama persefahaman dalam menentukan kemahiran yang diperlukan dari graduan yang di tawarkan oleh pihak KV agar ianya sepadan dengan kehendak industri dalam pasaran buruh semasa dan masa depan. GMM secara langsung dapat digunakan juga oleh pihak majikan dan industri sebagai rujukan untuk menentukan kemahiran-kemahiran yang diperlukan mereka. Berdasarkan dapatan kajian ini, pihak majikan industri mempunyai perspektif yang setara dengan perseptif graduan terhadap tahap kemahiran yang dimiliki oleh graduan Pengurusan Perniagaan KV. Ini menunjukkan bahawa, keluaran KV berjaya





memenuhi kehendak dan keperluan industri serta menunjukkan keyakinan majikan terhadap kemahiran yang dimiliki graduan Pengurusan Perniagaan KV.

d) Graduan

Graduan Pengurusan Perniagaan KV seharusnya bersama-sama memainkan peranan penting dalam menentukan masa depan mereka sendiri. Kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada graduan untuk mereka meningkatkan kemahiran, bersikap lebih positif dan bertindak secara proaktif dalam persaingan mendapatkan pekerjaan dan mencipta peluang pekerjaan sendiri agar mereka dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka dalam pasaran buruh.

Kajian ini amat penting, memandangkan ianya boleh memberi sumbangan kepada banyak pihak khususnya pihak KPM, BPLTV dan pihak KV dalam usaha melahirkan graduan yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Pihak majikan berpeluang untuk mendapatkan tenaga kerja yang mempunyai kemahiran seperti yang dikehendaki oleh industri semasa. Selain itu, penguasaan graduan dalam pelbagai bidang berkaitan juga dapat dipertingkatkan bagi memenuhi keperluan dan kehendak pasaran pekerjaan semasa.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan bagi mengatasi masalah pengangguran yang berkaitan dengan tahap kebolehpasaran dalam kalangan graduan Pengurusan Perniagaan di Malaysia khususnya graduan Pengurusan Perniagaan KV.





Kajian ini melibatkan populasi yang besar iaitu graduan Pengurusan Perniagaan KV di seluruh Malaysia. Kajian ini juga perlu mendapatkan sampel dari populasi di mana lokasi sampel kajian adalah bertaburan di seluruh Malaysia. Oleh demikian wujudnya batasan dari segi proses untuk mendapatkan penyertaan secara menyeluruh dari sampel kajian. Proses mengedarkan instrumen soal-selidik tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka, tetapi diedarkan secara dalam talian dengan menggunakan kemudahan aplikasi *Whatsapp* dan *e-mail*. Pengedaran instrumen soal-selidik secara dalam talian ini adalah memudahkan, namun untuk mendapatkan tindak balas dari setiap sampel kajian adalah amat sukar dan dikhuatiri tidak dapat memenuhi bilangan saiz sampel minimum kajian yang diperlukan. Selain itu kejujuran responden kajian dalam proses menjawab soal selidik ini juga merupakan satu batasan bagi kajian ini di mana ia juga boleh mempengaruhi keputusan kajian.



Selain itu kajian ini juga mempunyai batasan terhadap pemilihan analisis yang harus digunakan. Keadaan ini wujud akibat ketidaksesuaian data yang diperoleh dengan keperluan dan syarat yang harus dipenuhi untuk melaksanakan beberapa kaedah analisis tersebut. Dua analisis yang telah digunakan dalam kajian ini adalah analisis Ujian *Mann Whitney U* yang menggantikan ujian *Independent t* dan analisis *Partial Least Squares-Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) yang menjadi alternatif kepada penggunaan analisis *Covariance-based SEM* (CB-SEM). Analisis ini telah dipilih memandangkan wujudnya batasan dan kekangan apabila syarat analisis asal yang sepatutnya digunakan tidak dapat dipenuhi oleh kajian ini.

Konstruk dalam kajian ini terdiri daripada tiga pemboleh ubah bebas iaitu Kemahiran, Tindakan Kerjaya Yang Proaktif Dan Sifat Positif, satu pemboleh ubah





moderator iaitu Pengalaman Latihan dan satu pemboleh ubah bersandar iaitu Kebolehpasaran. Tiga pemboleh ubah bebas yang telah dinyatakan dalam kajian ini adalah merupakan faktor yang bersifat individu yang mudah dipantau dan dikawal dalam kajian ini. Manakala faktor berciri situasi tidak diambil kira dalam kajian ini memandangkan faktor bercirikan situasi seperti dasar kerajaan dan keadaan ekonomi semasa adalah merupakan faktor yang berada di luar kawalan kajian. Oleh demikian pemilihan konstruk dalam kajian ini hanya melibatkan faktor bercirikan individu di mana ianya benar-benar berhubung-kait dengan fokus kajian untuk membangunkan GMM.

1.11 Skop Kajian



Kajian ini memberi fokus terhadap graduan Pengurusan Perniagaan KV seluruh Malaysia yang bergraduat pada tahun 2017. Kajian ini juga dilaksanakan bagi menentukan konstruk yang dapat mempengaruhi tahap kebolehpasaran graduan iaitu konstruk kemahiran, tingkah laku kerjaya proaktif, sifat positif dan konstruk pengalaman latihan sebagai moderator yang seterusnya dapat membantu dalam membangunkan GMM. Dalam kajian ini faktor situasi tidak diambil-kira memandangkan kajian ini hanya memberi fokus terhadap faktor-faktor yang berciri individu, iaitu bersifat mudah dikawal berbanding dengan faktor situasi seperti keadaan ekonomi semasa dan dasar kerajaan yang sukar dikawal untuk tujuan kajian ini.





1.12 Definisi Operasional

1.12.1 Kebolehpasaran

Kebolehpasaran merupakan satu istilah umum yang boleh membawa kepada pelbagai maksud. Kebolehpasaran merupakan satu kepercayaan di mana seseorang individu itu mempunyai nilai kepada majikannya di mana tempat dia bekerja dan juga kepada majikan di organisasi lain (De Vos, De Hauw, & Van der Heijden, 2011; Vos & Hauw, 2010). Dalam konteks kajian ini, kebolehpasaran adalah merujuk kepada keupayaan graduan untuk mendapatkan, mengekalkan dan pada masa yang sama boleh ditawarkan pekerjaan oleh organisasi lain. Kebolehpasaran dalam kajian ini adalah merujuk kepada graduan lulusan institusi pengajian peringkat tertiar khususnya graduan KV. Kebolehpasaran graduan boleh disebabkan oleh banyak faktor. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kebolehpasaran graduan adalah faktor personel dan faktor situasi. Walau bagaimanapun dalam kajian ini, faktor personel sahaja diambil kira bagi membangunkan GMM.

1.12.2 Kemahiran Kebolehkkerjaan

Kemahiran kebolehkkerjaan adalah satu set kemahiran menyeluruh yang perlu dimiliki oleh setiap graduan untuk memenuhi kehendak dan keperluan majikan industri bagi menempatkan diri mereka dalam pasaran buruh (Ramdhan Ali Saibon & Arasinah Kamis, 2019). Ia juga merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap graduan dalam mempersiapkan diri mereka untuk memenuhi keperluan pelbagai bidang pekerjaan dalam pasaran buruh selepas mereka menamatkan pengajian (Nooriah





Yusof et al., 2013). Kemahiran keboleherjaan juga merupakan satu set kemahiran yang diperlukan untuk membentuk modal insan yang seimbang dan harmoni dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, yang berasaskan pegangan teguh dan kepercayaan kepada tuhan (Hazilah Mohd Amin et al., 2013). Kemahiran keboleherjaan ini boleh dikatakan sebagai antara kayu pengukur utama kepada tahap kebolehpasaran graduan selepas mereka menamatkan pengajian. Dalam kajian ini, kemahiran keboleherjaan adalah merujuk kepada kemahiran pemikiran analisis dan penyelesaian masalah, kemahiran komunikasi, kemahiran aplikasi teknologi maklumat, kemahiran kepimpinan dan pengurusan dan kemahiran kerja berpasukan dan kemahiran interpersonal. Lima kemahiran ini adalah sangat penting untuk diterapkan dalam diri setiap bakal graduan khususnya graduan KV sebelum mereka menamatkan pengajian bagi menghadapi cabaran dan saingan dalam pasaran buruh (Ramdzan Ali Saibon &



Arasinah Kamis, 2019).

1.12.3 Kemahiran Teknikal

Kemahiran teknikal merupakan kemahiran yang berkaitan dengan pengetahuan yang lebih menjurus kepada “*hard skill*” iaitu kemahiran khusus tertentu di mana ianya boleh dianalisis, didefinisikan dan diuji. Ia merupakan kemahiran yang boleh dipelajari melalui kursus dan latihan (Zafir Mohd Makhbul et al., 2015) malah amat penting untuk membentuk kecemerlangan diri seseorang dalam menentukan kerjaya yang bakal diceburi (Siti Syahirah Abdullah Zawawi, 2011). Manakala menurut Suhaili Hanafi (2015) menyatakan bahawa kemahiran teknikal ini merujuk kepada pemahaman berasaskan kemahiran dalam sesuatu aktiviti atau kegiatan yang melibatkan kaedah, proses prosedur dan teknik. Ia juga merupakan hasil kerja





berasaskan kemahiran tangan yang diperoleh melalui latihan amali secara praktikal yang bertujuan untuk melatih seseorang dalam bidang vokasional (Ali Idris, Rashid Rajuddin, & Audu Rufai, 2014). Dalam kajian ini, kemahiran teknikal adalah merujuk kepada kemahiran yang dimiliki graduan KV dalam bidang Pengurusan Perniagaan. Sebagai contoh, kemahiran teknikal yang dipelajari oleh graduan Pengurusan Perniagaan di KV adalah kemahiran dan pengetahuan yang berkaitan dengan kursus Perakaunan, Mikro dan Makro Ekonomi dan Asas Pengurusan Perniagaan.

1.12.4 Kemahiran Keusahawanan

Kemahiran keusahawanan adalah kemahiran yang mempersiapkan graduan dengan pengetahuan tambahan serta membentuk ciri-ciri dan keupayaan tertentu yang diperlukan dalam memulakan sesuatu perniagaan. Menurut Idris et al. (2014), kemahiran keusahawanan adalah kemahiran yang membolehkan seseorang individu mencipta peluang pekerjaannya sendiri atau memulakan sesuatu perniagaan. Kemahiran keusahawanan ini merupakan satu proses pembelajaran yang melibatkan teori dan latihan di mana seseorang itu memperoleh dan mempelajari sesuatu kemahiran tertentu yang berkaitan dengan perniagaan (Chukwunenye Iheanacho Okereke & Igboke, 2011). Dalam konteks kajian ini, kemahiran keusahawanan adalah melibatkan kemahiran graduan Pengurusan Perniagaan KV dalam pengetahuan dan amalan memulakan asas perniagaan. Kemahiran Keusahawanan adalah berbeza dengan kemahiran Teknikal kerana kemahiran Keusahawanan melibatkan proses dan aktiviti mewujudkan, membentuk, menjalankan dan mengembangkan sesuatu perniagaan baru. Berbeza dengan kemahiran Teknikal khususnya kursus Pengurusan Perniagaan, ianya merupakan proses menguruskan sesebuah syarikat dengan cekap





yang melibatkan operasi seharian, seperti pengurusan kewangan dan pentadbiran. Seorang yang mempunyai kemahiran Keusahawanan memerlukan seorang yang mempunyai kemahiran pengurusan untuk mengurus perniagaannya. Malah seseorang usahawan juga boleh menjadi seorang pengurus pada satu-satu masa tertentu.

1.12.5 Kemahiran Asas Akademik

Kemahiran asas akademik merupakan kemahiran berhubung atau komunikasi yang pada asasnya adalah terdiri daripada kemahiran membaca, kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur (*The Secretary's Commission on Achieving Necessary Skills* [Scans], 1991). Dalam konteks kajian ini, kemahiran asas akademik adalah merujuk kepada kemahiran asas yang diperlukan oleh graduan Pengurusan Perniagaan KV dalam proses peningkatan ilmu pengetahuan khususnya yang berkaitan dengan kursus-kursus mata pelajaran umum dalam struktur kurikulum KV seperti kursus Pengajian bahasa Melayu, Bahasa Inggeris Untuk Komunikasi dan Etika Profesionalisme yang pada asasnya berkaitan dengan kemahiran-kemahiran yang melibatkan hubungan dan komunikasi dalam perniagaan.

1.12.6 Tingkah Laku Kerjaya Proaktif

Tingkah laku kerjaya proaktif merupakan tindakan yang perlu diambil oleh seseorang graduan, melibatkan perancangan penentuan kerjaya, mempelajari kemahiran baru, mendapatkan maklumat dan nasihat dari pihak berkaitan berkenaan dengan potensi kerjaya dan membina hubungan luas dengan pelbagai pihak berkaitan dengan tujuan untuk meningkatkan tahap kebolehkeraan, reputasi dan nilai sendiri dalam pasaran





buruh (Claes & Ruiz-Quintanilla, 1998). Tingkah laku ini adalah berkait rapat dengan kejayaan dalam pembentukan kerjaya seseorang. Dalam kajian ini, konstruk tingkah laku kerjaya proaktif adalah berkaitan dengan tingkah laku yang perlu diterapkan dalam diri setiap graduan Pengurusan Perniagaan KV bagi meningkatkan tahap kebolehpasaran mereka dalam pasaran buruh semasa dan akan datang.

1.12.7 Sifat Positif

Sifat positif adalah sikap sendiri yang sentiasa merasakan yang terbaik buat diri sendiri dalam apa jua keadaan. Pandangan positif dalam kehidupan terhadap diri sendiri dan sekeliling dengan mendekati tugas dan tanggungjawab serta mempunyai cita-cita untuk terus belajar dan memperbaiki diri sendiri (Day, 2005). Dalam kajian ini, sikap positif ini merangkumi perasaan optimis, konsep sendiri yang positif dan pembelajaran berorientasikan matlamat dalam kalangan graduan bagi proses mendapatkan dan mengekalkan pekerjaan serta mencipta peluang pekerjaan sendiri dalam pasaran buruh semasa dan masa hadapan.

1.12.8 Pengalaman Latihan

Pengalaman latihan adalah pengalaman pekerjaan yang diperoleh oleh seseorang apabila menjalani latihan amali atau praktikal di organisasi tertentu. Ia merupakan satu peluang memperoleh pengalaman menerusi proses pembelajaran di alam pekerjaan sebenar di mana ianya mempunyai potensi untuk mempengaruhi peningkatan tahap kemahiran seseorang graduan (Walker, 2011). Dalam kajian ini, pengalaman latihan "*internship training*" merujuk kepada pengalaman bekerja yang diperoleh graduan





Pengurusan Perniagaan KV selama tempoh menjalani latihan industri atau *on job training* (OJT) dengan organisasi tertentu dalam bidang berkaitan.

1.13 Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji telah menjelaskan berkenaan dengan isu dan permasalahan kajian yang telah membawa kepada wujudnya keperluan membangunkan GMM untuk graduan Pengurusan Perniagaan KV. Berdasarkan maklumat kajian awal, wujudnya sedikit kekeliruan mengenai konsep kebolehkerjaan dengan kebolehpasaran. Sehubungan itu, kajian ini telah dijalankan bagi menentukan kemahiran yang benar-benar diperlukan oleh graduan dalam memenuhi keperluan dan kehendak majikan industri bagi menempatkan diri mereka dalam pasaran buruh semasa. Malah kajian ini juga turut memberi penekanan terhadap keperluan kemahiran keusahawanan dalam diri setiap graduan agar mereka juga berpeluang untuk mencipta pekerjaan sendiri. Peranan moderator pengalaman latihan yang menjadi pemangkin kepada peningkatan tahap kebolehpasaran graduan akan membentuk GMM seperti yang diharapkan.

